

ARKIB : 19/01/2011

Program lahirkan pejuang bangsa

Oleh MAZNAH MOHD. ARSAD

JOHOR BAHRU 18 Jan. – Seramai 1,000 pelajar Kolej Tun Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menyertai Program Melahirkan Pejuang Bangsa yang diadakan di Dewan Sultan Iskandar, UTM, Skudai dekat sini baru-baru ini.

Program anjuran Yayasan Nurul Yaqeen itu telah dirasmikan oleh Setiausaha Politik, Menteri Pelajaran, Syahrin Md. Jamaludin.

Bagi menjayakan program itu tiga ahli panel telah diundang iaitu Ahli Dewan Undangan Negara, Datuk Dr. Firdaus Abdullah; Penyandang Kursi Syeikh Abdullah Fahmi, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Ismail Ibrahim dan Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam.

Syahrin ketika berucap merasmikan program itu menyeru para pelajar menggunakan keintelektualan masing-masing dalam menilai sesuatu isu sama ada yang benar atau pembohongan.

“Sebagai seorang pelajar yang berjaya menjejakkan kaki ke menara gading, kita harus bijak menilai yang mana satu fakta dan yang mana fitnah semata-mata.

“Gunakan keintelektualan anda, kerana anda merupakan bakal pemimpin pelapis negara, seharusnya boleh membuat penilaian secara bijaksana,” katanya.

Tegas Syahrin, pelajar tidak sepatutnya menggunakan kepandaian mereka dengan membuat pilihan yang tidak tepat, kerana ia boleh merosakkan masa depan bukan sahaja individu terbabit, malah bangsa dan negara.



Syahrin Md. Jamaludin (kiri) melawat gerai pameran pada Program Melahirkan Pejuang Bangsa di UTM, Skudai, Johor Bahru semalam.